

25/05/1997

Usah ganggu siasatan Eric Chia

KUALA LUMPUR: Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob meminta semua pihak supaya tidak mengganggu siasatan yang sedang dijalankan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis terhadap bekas Pengarah Urusan Perwaja Steel, Tan Sri Eric Chia.

Menurutnya, terlalu banyak penjelasan yang diberikan terhadap kes berkenaan dikhuatiri boleh menjejaskan penyiasatan polis dan BPR.

"Biarlah polis dan BPR menyiasat kerana kalau kita cakap terlalu banyak, ia boleh menjejaskan siasatan.

"Perdana Menteri pun sudah mengarahkan polis dan BPR menyiasat. Jadi, kita serah kepadanya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Memulakan Perniagaan Kecil anjuran Kelab Rotary Lembah Pantai di Wisma Pemadam Kebangsaan di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad mengarahkan polis dan BPR meneruskan siasatan terhadap Eric Chia berhubung kerugian kira-kira RM2.9 bilion yang dialami Perwaja.

Anwar berkata, Perdana Menteri memutuskan demikian selepas menerima dan meneliti hasil siasatan awal yang diserahkan BPR kepadanya.

Megat Junid bagaimanapun enggan mengulas di mana Eric Chia berada sekarang.

Mengenai penafian BPR dan polis berhubung dakwaan kononnya Eric Chia sudah ditahan untuk membantu siasatan, beliau menjelaskan bahawa arahan untuk menyiasat dan menahan adalah dua perkara yang berbeza.

"Tahan soal lain dan siasat soal lain. Kalau siasat, siasat sajalah, tidak perlu tahan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Ismail Che Rus, berkata kes itu akan disiasat oleh Bahagian Jenayah Komersil Bukit Aman.

Ismail yang ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Perasmian Program Diploma Kepolisian di Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Kubu Baru, semalam, bagaimanapun enggan mengulas lanjut kes itu.

Mengenai penahanan lapan anggota polis Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Johor Bahru berhubung beberapa kes jenayah dan salah laku minggu lalu pula, Megat Junid berkata, ia adalah amalan biasa yang dilakukan terhadap kakitangan jabatan dan agensi kerajaan yang menyalahi peraturan dan undang-undang.

"Siapa saja yang kita dapat laporan, kita tangkap. Kadang-kadang kalau kita nak tangkap orang, tiga bulan sebelum itu kita sudah kumpulkan maklumat.

"Ia bukannya ada musim untuk menangkap orang yang bersalah. Ia boleh jadi polis, pegawai kanan kerajaan dan orang awam," katanya.

(END)